

AmPRO PERSONAL ACCIDENT PLUS

DUTI SETEM DIBAYAR

BAHAWASANYA Pemegang Polisi / Orang Yang Diinsuranskan menerusi permohonan dan perakuan sebagai sebahagian daripadanya, telah memohon kepada **Liberty General Insurance Berhad** (seterusnya dirujuk sebagai “Syarikat”) untuk insurans yang terkandung seterusnya dan telah membayar premium yang dinyatakan dalam Jadual Polisi sebagai pertimbangan untuk insurans sedemikian bagi tempoh yang dinyatakan di dalamnya. Borang cadangan, sebarang pengakuan dan maklumat lain yang diberikan adalah menjadi asas kepada kontrak ini.

Setelah menerima bayaran premium pertama dari anda dan sebarang bayaran premium selanjutnya, **Liberty General Insurance Berhad** akan memberi perlindungan kepada pemegang polisi dari mengalami kecederaan tubuh yang disebabkan oleh kemalangan sebagaimana ditakrifkan pada polisi and tertakluk kepada terma proviso pengecualian and syarat yang termaktub pada Polisi.

PERLINDUNGAN – HAD KAWASAN SELURUH DUNIA

Manfaat 1	Kematian Akibat Kemalangan (berlaku dalam masa dua belas (12) bulan dari Kemalangan) Pampasan berganda dibayar sekiranya kematian disebabkan oleh kemalangan semasa perjalanan sebagai penumpang berbayar didalam semua jenis pengangkutan awam. Wang Tunai Kecemasan sebanyak 10% dari jumlah keseluruhan akan dibayar sekiranya berlaku Kematian Akibat Kemalangan. Faedah wang tunai sekaligus bagi Perbelanjaan Pengkebumian akan dibayar sekiranya berlaku Kematian Akibat Kemalangan. Penghantaran Pulang Faedah wang tunai sekaligus untuk membawa pulang jenazah ke negara asal (Malaysia, Singapura atau Brunei) sekiranya berlaku Kematian Akibat Kemalangan.	:	Skala pampasan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat untuk Kematian Akibat Kemalangan.
Manfaat 2	Hilang Upaya Kekal (berlaku dalam masa dua belas (12) bulan dari Kemalangan) Mendapat pengiktirafan daripada doktor yang berkeelayakan, Sebagai tambahan Polisi ini akan menanggung kos penggunaan kerusi roda, anggota-anggota badan tiruan dan pembedahan kosmetik, mengikut jumlah yang ditetapkan di dalam Jadual Manfaat.	:	Skala pampasan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat untuk Hilang Upaya Kekal.
Manfaat 3	Perbelanjaan Perubatan Perbelanjaan perubatan termasuk pembayaran untuk bayaran ambulans, sinseh/rawatan dukun dan untuk laporan perubatan/bedah siasat mengikut jumlah yang ditetapkan di dalam Jadual Manfaat.	:	Pembayaran balik untuk perbelanjaan yang dikeluarkan untuk setiap kemalangan mengikut jumlah yang ditetapkan di dalam Jadual Manfaat.
Manfaat 4	Faedah Hospital (a) Elaun Hospital	:	Elaun tunai harian mengikut jumlah yang ditetapkan seperti di Jadual Manfaat akan dibayar jika pemegang polisi dimasukkan ke hospital melebihi tempoh 24 jam untuk tempoh maksimum selama 7 hari. Elaun tunai harian tambahan mengikut jumlah yang ditetapkan seperti di dalam Jadual Manfaat akan dibayar, untuk tempoh maksimum selama 5 hari, jika pemegang polisi dimasukkan ke hospital kerajaan.

Liberty General Insurance Berhad 197801007153 (44191-P)

Liberty Insurance Tower, CT9, Pavilion Damansara Heights, 3 Jalan Damanlela, Pusat Bandar Damansara, 50490 Kuala Lumpur.

Peti Surat 11228, GPO Kuala Lumpur, 50740 Kuala Lumpur

Tel: +603 2268 3333 **Hotline:** 1 800 88 6333 **Laman Web:** www.amassurance.com.my

(No. Daftar Cukai Perkhidmatan: B16-1808-31015443)

	(b) Elaun rawatan susulan selepas keluar dari Hospital (dalam tempoh 31 hari dari tarikh keluar)	: Elaun ini akan hanya dibayar jika pemegang polisi dimasukkan ke hospital untuk tempoh selama minimum tujuh (7) hari berturut-turut akibat kemalangan – Mengikut jumlah yang ditetapkan di dalam Jadual Maafaat.
	(c) Elaun Lawatan Keluarga Terdekat	: Polisi akan membayar untuk pembayaran balik tambang Pengangkutan Awam yang ditanggung oleh keluarga terdekat untuk jumlah seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.
Manfaat 5	Faedah Mingguan Kecacatan Kekal Sementara dan Kecacatan Separa Kekal Sementara	: Jumlah mingguan seperti di dalam jadual yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat yang dilampirkan.
Manfaat 6	Ragut	: Wang tunai keseluruhan untuk kecederaan yang disebabkan oleh peragut. Sehingga had maximum pada maafaat yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat. Maafaat ini terhad kepada satu kejadian semasa waktu diinsuranskan.
Manfaat 7	Liabiliti Diri – Tidak melebihi jumlah seperti dinyatakan di dalam Jadual Maafaat untuk setiap pampasan disebabkan oleh satu kemalangan/setiap masa (Had Kawasan - Seluruh Dunia tidak termasuk USA/ Kanada) Kami akan membayar pampasan kepada Orang Yang Diinsuranskan bagi kejadian kecederaan tubuh and kerosakan harta benda akibat kemalangan mengikut undang-undang termasuk kesemua kos dan pembelanjaan (dengan keizinan bertulis Kami)	

DEFINISI AM

KEMALANGAN

Suatu kejadian tertentu yang terjadi secara tiba-tiba, tidak disengajakan, tidak diduga, luar biasa yang berlaku pada suatu masa yang tidak dijangka dan tempat yang tidak boleh dikenalpasti dan merupakan satu-satunya punca yang menyebabkan kecederaan tubuh tersebut dan hendaklah bebas daripada sebab-sebab lain.

UMUR

Umur pada harijadi akan datang.

KECEDERAAN TUBUH

Kecederaan tubuh yang diakibatkan secara tunggal dan langsung daripada keganasan, kemalangan, cara luaran dan nyata dan tidak termasuk kesakitan, penyakit atau mana-mana keadaan yang berlaku secara semula jadi atau penyakit degeneratif.

TARIKH BERKUATKUASA

Tarikh yang dinyatakan di dalam Jadual apabila Insurans di bawah Polisi ini bermula.

ENDORSMEN

Bukti bertulis berkenaan dengan penukaran pada Polisi Anda yang telah dipersetujui.

ANAK-ANAK YANG LAYAK

Anak/Anak Tiri/Anak Angkat yang sah Orang Yang Diinsuranskan, yang memerlukan bantuan kewangan dan/atau masih menuntut dan tidak bekerja atau berkahwin, berumur diantara 1 dan dibawah 25 tahun dan bermastautin tetap di Malaysia.

AHLI KELUARGA TERDEKAT

Pasangan Orang Yang Diinsuranskan yang sah di sisi undang-undang, anak-anak, ibu bapa, abang/adik dan kakak/adik perempuan Orang Yang Diinsuranskan.

DIRI YANG DIINSURANSKAN/ORANG YANG DIINSURANSKAN/ANDA/KEPUNYAAN ANDA/ DIRI ANDA SENDIRI

Orang yang dinamakan sebagai Orang Yang Diinsuranskan di dalam Jadual/Sijil, yang bermastautin secara tetap di Malaysia.

PENGINSURANS/SYARIKAT/KAMI/KITA

Liberty General Insurance Berhad 197801007153 (44191-P).

PEKERJAAN

Pekerjaan Orang Yang Diinsuranskan secara sepenuh masa dan/atau sambilan yang mendatangkan inbuhan dan/atau apa-apa pekerjaan lain untuk mendapatkan gaji atau keuntungan dan Orang Yang Diinsuranskan sesuai melakukannya dengan pengetahuannya dan/atau latihan yang diberikan.

KEKAL

Telah berlarutan selama 12 bulan berturut-turut dan, sehingga tiba tarikh tamat tempoh, tiada harapan untuk sembuh.

JADUAL

Jadual yang dilampirkan bersama-sama polisi ini yang membentuk sebahagian daripada polisi.

JUMLAH YANG DIINSURANSKAN

Bermaksud had liabiliti kami di bawah insurans ini.

HURAIAN MANFAAT

KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN

Kematian akibat Kecederaan Tubuh.

YURAN AMBULANS

Pihak Syarikat akan membayar balik Orang Yang Diinsuranskan untuk bayaran ambulans tidak melebihi jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat sekiranya kos perkhidmatan ambulan yang dikenakan akibat kemalangan yang berlaku keatas Orang Yang Diinsuranskan.

PEMBEDAHAN KOSMETIK

Pihak Syarikat akan membayar balik Orang Yang Diinsuranskan mengikut jumlah yang ditetapkan didalam Jadual Manfaat dalam hal perbelanjaan yang ditanggung oleh Orang Yang Diinsuranskan untuk pembedahan baik pulih kosmetik (termasuk rawatan gigi) disebabkan kemalangan mengakibatkan ketidakupayaan kekal berdasarkan setiap pembedahan baik pulih (termasuk rawatan gigi) adalah disarankan dan dilaksanakan oleh pakar bedah kosmetik yang berlesen (seorang pakar ortodontik dalam kes pembedahan pergigian)

PAMPASAN BERGANDA

Jumlah dibayar pada Manfaat 1 digandakan sekiranya kematian disebabkan oleh kemalangan semasa menaiki pengangkutan awam sebagai penumpang berbayar.

WANG TUNAI KECEMASAN

Pihak Syarikat akan membayar wakil peribadi yang sah bagi Orang Yang Diinsuranskan dengan jumlah 10% dari jumlah keseluruhan yang Diinsuranskan sebagai wang tunai kecemasan bagi kemalangan yang mengakibatkan kematian Orang Yang Diinsuranskan dimana penyerahan segera dokumen-dokumen berikut: -

- (i) Laporan Polis
- (ii) Sijil Kematian daripada Laporan bedah siasat

Walaubagaimanapun, pembayaran wang tunai kecemasan ini bukan satu pengakuan segera tanggungan. Didalam kemalangan yang mengakibatkan kematian itu tidak termaktub didalam dalam terma, pengecualian dan syarat-syarat polisi, jumlah dibayar akan dibayar balik kepada Pihak Syarikat.

BELANJA PERUBATAN

Pihak Syarikat akan menanggung perbelanjaan perubatan yang perlu ditanggung oleh Orang Yang Diinsuranskan akibat kemalangan asalkan maksimum liabiliti Pihak Syarikat akibat kemalangan tidak melebihi jumlah yang dinyatakan didalam jadual. Terma Perbelanjaan perubatan meliputi perbelanjaan untuk hospital (termasuk bilik dan makan), klinikal, perubatan dan rawatan pembedahan, Pengamal Perubatan China atau rawatan dukun dan perbelanjaan untuk mendapatkan lapuran perubatan dan / atau bedah siasat.

- Rawatan Pengamal Perubatan Cina atau Dukun
Pihak Syarikat akan membayar kembali perbelanjaan bagi rawatan Pengamal Perubatan China atau dukun termasuk ubat sepertimana yang telah ditetapkan didalam Jadual Manfaat.
- Yuran Perubatan dan Laporan Bedah Siasat

Pihak Syarikat akan membayar kembali perbelanjaan sebenar sepenuhnya dan tertakluk kepada limit yang dihadkan seperti yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat sebagai sebahagian daripada Perbelanjaan Perubatan.

HILANG UPAYA KEKAL

Hilang upaya kekal seperti ditetapkan di dalam Jadual Manfaat.

HILANG UPAYA KEKAL KESELURUHAN

Satu keadaan ketidakmampuan yang disebabkan oleh kecederaan tubuh Orang Yang Diinsuranskan yang mengakibatkan hilang upaya kekal dan menyeluruh pada diri daripada melakukan pekerjaan berfaedah dari mana-mana dan apa-apa jenis sekalipun. Ini termasuklah Orang Yang Diinsuranskan kekal terlanter di katil dan lumpuh keseluruhannya.

LIABILITI DIRI

Kami akan membayar pampasan sehingga jumlah yang dinyatakan dalam Jadual dimana Orang Yang Diinsuranskan bertanggungjawab membayar pampasan mengikut undanag-undang disebabkan

- a) Kecederaan Tubuh akibat kemalangan
 - b) Kerosakan Harta Benda akibat kemalangan
- akibat kecuaiannya atau kesalahan Orang Yang Diinsuranskan semasa tempoh insuran

Kami tidak akan membayar pampasan lebih daripada yang ternyata di dalam Jadual dalam tempoh

Insuran Termasuk kesemua kos and pembelanjaan dengan keizinan Kami.

Had Kawasan : Seluruh Dunia tidak termasuk USA / Kanada

Bidang Kuasa : Malaysia

PENGECUALIAN

Kami tidak akan membayar pampasan untuk

- (a) Apa-apa tanggungjawab secara langsung atau tidak disebabkan oleh
 - i) pemilikan atau kediaman semua jenis tanah atau bangunan
 - ii) pengejaran atau latihan Orang Yang Diinsuranskan untuk semua jenis pekerjaan dalam perniagaan yang berprofesion.
 - iii) penggunaan kuda untuk pemburuan, berlumba atau perlumbaan kuda berhalangan
 - iv) kegunaan kenderaan (tidak termasuk kenderaan yang digerakkan dengan tangan atau mengayuh pusingan dan tidak digunakan untuk pelumbaan), kapal laut (berlayar atau digerakkan secara mekanikal), kapal terbang atau model kapal terbang dimiliki atau dalam penjagaan atau dalam kawalan Orang Yang Diinsuranskan atau perkerjanya.
 - v) kepunyaan atau pemilikan atau kegunaan semua jenis haiwan oleh Orang Yang Diinsuranskan atau bagi pihak Orang Yang Diinsuranskan
- (b) tanggungjawab kecederaan tubuh kepada Ahli Keluarga pada Orang Yang Diinsuranskan atau sesiapa dalam perjanjian perkhidmatan atau perantisan dengan Orang Yang Diinsuranskan semasa perkhidmatan pekerjaan untuk Orang Yang Diinsuranskan.
- (c) tanggungjawab kerugian dan kerosakan kepada
 - i) harta benda dimiliki atau dalam penjagaan atau dalam kawalan Orang Yang Diinsuranskan.
 - ii) harta benda dimiliki atau dalam penjagaan atau dalam kawalan sesiapa dalam perkhidmatan untuk Orang Yang Diinsuranskan.
- (d) semua tanggungjawab yang timbul akibat membuat perjanjian tetapi tidak akan timbul jikalau perjanjian tidak dibuat.
- (e) semua tanggungjawab timbul secara langsung atau tidak disebabkan dari transmisi pada semua jenis penyakit komunikasi oleh semua Orang Yang Diinsuranskan.
- (f) tanggungjawab Orang Yang Diinsuranskan yang akan dilindungi dengan wujudnya Polisi ini dan Polisi Insuran lain; untuk perkara ini perlindungan Polisi ini tidak akan mula sehingga Jumlah Yang Diinsuranskan pada Polisi lain telah habis.

ELAUN RAWATAN SUSULAN SELEPAS KELUAR DARI HOSPITAL

Pihak Syarikat akan membayar Orang Yang Diinsuranskan mengikut jumlah yang ditetapkan didalam Jadual Manfaat untuk pulih dari kemalangan dalam tempoh masa 31 hari sebakian sahaja dikeluarkan dari hospital untuk satu kemalangan. Elaun-elaun ini hanya dibayar sekiranya Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke hospital untuk tempoh minimum tujuh (7) hari berturut-turut.

KES RAGUT

Bayaran penuh sebagai pampasan diatas kerugian terhadap Orang Yang Diinsuranskan kerana kes ragut di mana manfaat dibayar seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat dan terhad untuk satu kejadian setiap tahun. Laporan polis diperlukan termasuk butiran kejadian ragut.

FAEDAH MINGGUAN

Jika Orang Yang Diinsuranskan tidak dapat membuat melakukan pekerjaan bagi sebahagian atau keseluruhan kerjaya/perkerjaan diri and disahkan oleh doktor bertauyah akibat kecederaan disebabkan oleh kemalangan yang tertakluk pada polisi, Pihak Syarikat akan membayar Orang Yang Diinsuranskan pengikut jadual manfaat pada Faedah Mingguan tidak melebihi 104 minggu.

PERLUASAN PERLINDUNGAN POLISI

KOMA

Apabila disahkan oleh pakar perubatan bahawa Pihak Orang Diinsuranskan telah koma sekurang-kurangnya setahun akibat sesuatu kemalangan, Pihak Syarikat akan membayar 100% daripada jumlah Kapital yang Diinsuranskan. Walau bagaimanapun, Pihak Syarikat berhak mendapatkan kembali bayaran yang telah dibuat sekiranya Pihak Diinsuranskan sedar semula dengan syarat potongan 10% daripada bayaran yang sebelumnya dibuat bagi setiap tahun ketika mana Pihak Diinsuranskan berada dalam keadaan koma.

HILANG

Sekiranya tempoh SETAHUN telah berlalu dari tarikh dilaporkan hilang dan Pihak Syarikat telah memeriksa dengan teliti semua bukti yang ada dan tidak mempunyai alasan untuk mengandaikan selain daripada satu kemalangan telah berlaku yang dimana semua kemungkinan menyebabkan kematian Orang Yang Diinsuranskan, maka kehilangan Orang Yang Diinsuranskan dianggap boleh menuntut di bawah Polisi ini dan Jumlah Kapital penuh yang Diinsuranskan hendaklah dibayar. Walau bagaimanapun, jika pada bila-bila masa selepas pembayaran dibuat dan Orang Yang Diinsuranskan didapati masih hidup, sebarang jumlah yang telah dibayar oleh Pihak Syarikat dalam tuntutan ini hendaklah dikembalikan semula kepada Pihak Syarikat.

PENDEDAHAN KEPADA UNSUR-UNSUR SEMULAJADI

Polisi ini meliputi tuntutan terhadap kematian atau kecederaan tubuh yang disebabkan oleh pendedahan kepada unsur-unsur semulajadi akibat daripada satu kemalangan.

KLAUSA GIGITAN SERANGGA DAN ULAR

Polisi ini telah dilanjutkan untuk menyertakan kemalangan maut atau kecederaan tubuh yang disebabkan oleh gigitan serangga dan ular (tidak termasuk kematian/kecederaan tubuh akibat penyakit kecuali malaria dan demam denggi).

JADUAL MANFAAT

% daripada Jumlah Besar Diinsuranskan

Manfaat I	KEMATIAN KEMALANGAN (berlaku dalam tempoh dua belas bulan kalendar dari kemalangan)	100%
Manfaat II	HILANG UPAYA KEKAL (berlaku dalam masa dua belas bulan kalendar dari kemalangan)	
	Kehilangan kedua-dua tangan atau kedua-dua kaki	100%
	Kehilangan kedua-dua tangan atau semua jari dan kedua-dua ibu jari	100%
	Kehilangan semua penglihatan pada kedua-dua mata	100%
	Kecederaan yang menyebabkan kekal terlantar di katil	100%
	Apa-apa kecederaan lain yang menyebabkan Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh	100%
	Kehilangan tangan dari bahu	100%
	Kehilangan tangan di antara bahu dan siku	100%
	Kehilangan tangan dari siku	100%
	Kehilangan tangan di antara siku dan pergelangan tangan	100%
	Kehilangan tangan dan pergelangan tangan	100%
	Kehilangan kaki	100%
	- pada pinggul	100%
	- di antara lutut dan pinggul	100%
	- di bawah lutut	100%
	Kehilangan mata	100%
	- keseluruhan mata	100%
	- penglihatan pada satu mata, kecuali daya tanggapan cahaya	50%
	- kanta sebelah mata	50%
	Kehilangan empat jari	40%
	Kehilangan ibu jari	30%
	- kedua-dua ruas	30%
	- satu ruas	15%
	Kehilangan jari telunjuk	15%
	- tiga ruas	15%
	- dua ruas	10%
	- satu ruas	5%
	Kehilangan jari tengah	8%
	- tiga ruas	8%
	- dua ruas	5%
	- satu ruas	3%
	Kehilangan jari manis	6%
	- tiga ruas	6%
	- dua ruas	5%
	- satu ruas	3%
	Kehilangan jari kelingking	5%
	- tiga ruas	5%
	- dua ruas	4%
	- satu ruas	3%
	Kehilangan tulang metakarpus	4%
	- pertama atau kedua (tambahan)	4%
	- ketiga, keempat atau kelima (tambahan)	3%
	Kehilangan semua jari kaki	20%
	- semua	20%
	- ibu jari kaki, kedua-dua ruas	8%
	- Ibu jari kaki, satu ruas	3%
	- Selain daripada ibu jari kaki, sekiranya kehilangan lebih daripada satu jari kaki untuk setiap kaki	2%
	Kehilangan pertuturan & pendengaran pada kedua-dua telinga secara kekal	100%
	Kehilangan pendengaran	75%
	- kedua-dua telinga	75%
	- satu telinga	25%
	Kehilangan pertuturan	50%
	Pemendekan lengan	2.5%
	- lebih daripada 1" sehingga 2"	2.5%
	- lebih daripada 2" sehingga 4"	5%
	- lebih daripada 4"	12.5%
	Pemendekan kaki	5%
	- lebih daripada 1" sehingga 2"	5%
	- lebih daripada 2" sehingga 4"	10%
	- lebih daripada 4"	25%

Manfaat	Jumlah Diinsuranskan (RM)		
	Orang Yang Diinsuranskan	Orang Yang Diinsuranskan & Pasangan (setiap)	Setiap Anak (Maksimum 4 orang)
Kematian Akibat Kemalangan	100,000.00 (sehingga 500,000)	100,000.00 (sehingga to 500,000)	50,000.00
<i>Tunai Kecemasan</i>	<i>10% dari Jumlah Diinsuranskan</i>	<i>10% dari Jumlah Diinsuranskan</i>	<i>10% dari Jumlah Diinsuranskan</i>
<i>Perbelanjaan Pengkebumian</i>	<i>5,000.00</i>	<i>5,000.00</i>	<i>2,500.00</i>
<i>Penghantaran Pulang</i>	<i>2,000.00</i>	<i>2,000.00</i>	<i>1,000.00</i>
Hilang Upaya Kekal	100,000.00 (sehingga 500,000)	100,000.00 (sehingga 500,000)	50,000.00
<i>Penggunaan Kerusi Roda</i>	<i>500.00</i>	<i>500.00</i>	<i>250.00</i>
<i>Anggota Badan Tiruan</i>	<i>2,000.00</i>	<i>2,000.00</i>	<i>1,000.00</i>
<i>Pembedahan Kosmetik</i>	<i>5,000.00</i>	<i>5,000.00</i>	<i>2,500.00</i>
Perbelanjaan Perubatan (Maksima Setiap kemalangan)	5,000.00	5,000.00	2,500.00
<i>Rawatan Sinseh/dukun (Setiap kemalangan)</i>	<i>400.00</i>	<i>400.00</i>	<i>200.00</i>
<i>Laporan Perubatan & Laporan Bedah Siasat</i>	<i>200.00</i>	<i>200.00</i>	<i>100.00</i>
<i>Yuran Ambulans</i>	<i>400.00</i>	<i>400.00</i>	<i>200.00</i>
Manfaat-manfaat Hospital			
<i>Elaun Hospital Elaun Tunai Harian</i>	<i>200.00</i>	<i>200.00</i>	<i>100.00</i>
<i>Elaun tunai harian tambahan untuk kemasukkan ke hospital kerajaan.</i>	<i>100.00</i>	<i>100.00</i>	<i>50.00</i>
<i>Elaun Rawatan Susulan Selepas Keluar Dari Hospital (Maksima Setiap kemalangan)</i>	<i>1,500.00</i>	<i>1,500.00</i>	<i>750.00</i>
<i>Elaun Lawatan Ahli Keluarga (Maksima Setiap kemalangan)</i>	<i>100.00</i>	<i>100.00</i>	<i>50.00</i>
Manfaat-manfaat Mingguan			
<i>Hilang Upaya Keseluruhan Sementara (Seminggu)</i>	<i>100.00</i>	<i>100.00</i>	<i>Tiada</i>
<i>Hilang Upaya Sebahagian Sementara (Seminggu)</i>	<i>50.00</i>	<i>50.00</i>	<i>Tiada</i>
Jenayah Ragut	300.00	300.00	150.00
Liabiliti Diri (Satu Kemalangan/Setiap Masa)	100,000.00	100,000.00	50,000.00

Jumlah Yang Diinsuranskan pada Orang Yang Diinsuranskan dan Pasangannya adalah seperti dinyatakan di Jadual Manfaat.

Orang Yang Diinsuranskan dan Pasangannya dibenarkan menambah Jumlah Yang Diinsuranskan sehingga RM500,000 dengan premium tambahan RM10 (Cukai Perkhidmatan tertakluk kepada kadar semasa seperti yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia) bagi setiap penambahan RM10,000.

Tahap kekurangan anggota badan mestilah disahkan dengan laporan pakar perubatan.

Apabila kecederaan tidak dikhususkan, Syarikat mempunyai hak untuk mengambil keputusan menetapkan peratusan ketidakupayaan, pada pendapatnya adalah bukan tidak konsisten dengan peruntukan Skala di atas.

Kehilangan kekal keseluruhan penggunaan bahagian badan hendaklah dianggap sebagai kehilangan bahagian badan. Kehilangan pertuturan bermaksud ketidakupayaan kekal dan menyeluruh untuk bertutur secara lisan.

Agregat kesemua peratusan yang dibayar berkaitan dengan mana-mana kemalangan tidak boleh melebihi 100%. Di dalam kejadian jika kesemua 100% dibayar semasa tempoh polisi ini, kesemua insurans yang wujud di bawah ini akan tamat serta-merta. Kesemua kerugian lain yang kurang daripada 100% sekiranya dibayar akan mengurangkan perlindungan dengan jumlah itu dari tarikh kemalangan sehingga tamat Polisi ini.

PENGECUALIAN-PENGECUALIAN AM

Polisi ini tidak melindungi Kematian atau sebarang kecederaan / hilang upaya yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau berkaitan dengan mana-mana daripada yang berikut:

- 1) Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, pertempuran (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, penentangan, revolusi, pemberontakan, dahagi atau rampasan kuasa, pemberontakan ketenteraan atau pemberontakan orang ramai;
- 2) Hilang akal, bunuh diri (sama ada waras atau tidak waras) atau apa-apa percubaan ancaman, kecederaan diri sendiri yang disengajakan;
- 3) Apa-apa jenis penyakit, serangan penyakit atau parasit termasuk malaria, demam denggi, Japanese Encephalitis dan Sindrom Kekurangan Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Komplikasi Berkaitan AIDS (ARC);
- 4) Bersalin, keguguran, kehamilan atau apa-apa komplikasinya melainkan disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh Kemalangan;
- 5) Pembunuhan yang terdorong atau serangan;
- 6) Ketika melakukan perjalanan di dalam sebuah pesawat atau kapal sebagai ahli krew, melainkan hanya sebagai seorang penumpang berbayar di dalam sebuah pesawat atau kapal berlesen bagi perkhidmatan penumpang;
- 7) Ketika melakukan atau cuba melakukan apa-apa tindakan yang menyalahi undang-undang;
- 8) Ketika menyertai apa-apa sukan profesional;
- 9) Orang Yang Diinsuranskan terbabit atau menyertai aktiviti atau sukan yang merbahaya seperti sukan musim sejuk, sebarang aktiviti meluncur, pendakian gunung (yang melibatkan penggunaan tali atau panduan mekanikal), penerokaan gua, menyelam, penerjunan payung terjun, aktiviti-aktiviti bawah air yang memerlukan penggunaan alat bantuan pernafasan, perlumbaan kuda berhalangan, pemburuan;
- 10) Perlumbaan (selain daripada dengan menggunakan kaki), ujian kelajuan atau ketahanan jejak;
- 11) Menunggang / memandu tanpa lesen memandu yang sah;
- 12) Ketika melibatkan diri di dalam pergaduhan/mogok/rusuhan/kekacauan awam atau demonstrasi;
- 13)
 - a) Asbestos; atau
 - b) Apa-apa tuduhan atau kecederaan berkaitan asbestos atau kerosakan yang melibatkan penggunaan, kehadiran, kewujudan, pengesanan, perpindahan, penghapusan atau penghindaran asbestos atau letupan atau potensi letupan terhadap asbestos;
- 14)
 - a) Radiasi pengionan daripada atau pencemaran oleh radioaktiviti daripada mana-mana sisa bahan nuklear atau daripada pembakaran bahan api nuklear;
 - b) Bahan radioaktif, toksik, letupan atau bahan-bahan berbahaya atau pencemar lain daripada mana-mana pemasangan nuklear, reaktor atau pemasangan nuklear yang lain atau komponen nuklear daripadanya;
 - c) Apa-apa senjata peperangan yang menggunakan keatomatan atau pembelahan nuklear dan/atau cantuman atau tindakbalas serupa yang lain atau kuasa radioaktif atau jirim;
- 15) Apa-apa tindakan keganasan, Untuk tujuan ini tindakan keganasan bermaksud tindakan, termasuk tatapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan atau kekejaman dan/atau ugutan daripada itu, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak sendirian atau bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, melakukannya untuk tujuan politik, keagamaan, ideologi, atau tujuan yang serupa termasuklah dengan tujuan untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau meletakkan orang awam, atau mana-mana bahagian awam dalam ketakutan;
- 16) Apa-apa kecacatan/kelemahan fizikal sedia ada/apa-apa keuzuran, penyakit atau apa-apa penyakit sekalipun.
- 17) Klausula Pengecualian Kerugian Siber Terhad
 - a) Tanpa mengambil kira sebarang peruntukan yang bertentangan dalam Polisi ini, Polisi ini mengecualikan sebarang Kerugian Siber.
 - b) Kerugian Siber bermaksud sebarang kerugian, kerosakan, tanggungan, perbelanjaan, denda atau penalti atau apa-apa jumlah lain yang disebabkan secara langsung oleh:
 - i. penggunaan atau pengendalian mana-mana Sistem Komputer atau Rangkaian Komputer;
 - ii. pengurangan atau kehilangan keupayaan untuk menggunakan atau mengendalikan mana-mana Sistem Komputer, Rangkaian Komputer atau Data;
 - iii. akses kepada, pemprosesan, penghantaran, penyimpanan atau penggunaan mana-mana Data;
 - iv. ketidakmampuan untuk mengakses, memproses, menghantar, menyimpan atau menggunakan sebarang Data;
 - v. sebarang ancaman atau sebarang penipuan berkaitan i. hingga iv. di atas;
 - vi. sebarang ralat atau pengabaian atau kemalangan berkenaan dengan mana-mana Sistem Komputer, Rangkaian Komputer atau Data.
 - c) Sistem Komputer bermaksud mana-mana komputer, perkakasan, perisian, aplikasi, proses, kod, program, teknologi maklumat, sistem komunikasi atau peranti elektronik yang dimiliki atau dikendalikan oleh Pihak Diinsuranskan atau mana-mana pihak lain. Ini termasuk mana-mana sistem yang serupa dan sebarang kemasukan, pengeluaran atau peranti storan data atau sistem, peralatan rangkaian atau kemudahan sandaran yang berkaitan.
 - d) Rangkaian Komputer bermaksud sekumpulan Sistem Komputer dan peranti elektronik lain atau kemudahan rangkaian yang disambungkan melalui satu bentuk teknologi komunikasi, termasuk internet, intranet dan rangkaian persendirian maya (VPN), membenarkan peranti pengkomputeran rangkaian untuk bertukar Data.
 - e) Data bermaksud maklumat yang digunakan, diakses, diproses, dihantar atau disimpan oleh Sistem Komputer.

- 18) Klausula Pengecualian Pandemik
- Polisi ini akan mengecualikan semua kerugian yang timbul daripada, disumbangkan oleh, atau berpunca daripada sebarang pandemik. Dengan ini, punca penyumbang kepada pandemik adalah mencukupi.
 - Pandemik menurut perenggan a) merujuk kepada semua penyakit atau patogen yang diisytiharkan sedemikian oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Pengecualian ini terpakai dari tarikh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan wabak itu.
 - Jika Syarikat mendakwa bahawa disebabkan oleh pengecualian ini, sebarang kerugian tidak dilindungi oleh Polisi ini, beban untuk membuktikan sebaliknya adalah tanggungjawab Pihak Diinsuranskan

Tertakluk juga kepada terma dan syarat Polisi ini.

PENGECUALIAN PEKERJAAN

Bagi Orang Yang Diinsuranskan yang bekerja sebagai atau melakukan mana-mana jenis Pekerjaan yang disenaraikan di bawah (sama ada secara sementara atau tetap), tiada manfaat akan dibayar di bawah polisi ini untuk Kecederaan Tubuh semasa melakukan pekerjaan sedemikian:-

Pelumba, ahli sukan profesional, kelasi, pembalak, pekerja pesisir pantai, ahli pesawat udara, nelayan, joki kuda, penghibur profesional, pembuat/pengendali bahan letupan, pekerja dalam kapal, juruterbang dan pemandu ujian, pemungkah kargo, penyelam profesional, ahli bomba, pekerja bawah tanah/pelombong, ahli angkatan bersenjata, perkhidmatan dan operasi tentera laut atau tentera udara, anggota polis dan perkhidmatan penyelamatan.

SYARAT-SYARAT AM

1. PINDAAN

Syarikat mempunyai hak untuk meminda terma dan syarat polisi ini dan pindaan sedemikian pada Polisi ini adalah sah jika diberikuasa oleh Syarikat dan diendorskan pada dokumen ini. Syarikat hendaklah memberi notis bertulis kepada Pemegang Polisi mengikut alamat terakhir yang direkod untuk apa-apa pindaan yang dibuat.

2. UNDANG-UNDANG YANG BOLEH DIKENAKAN

Polisi ini dan semua hak, obligasi dan liabiliti yang timbul menurut dokumen ini, hendaklah ditafsirkan dan ditentukan dan boleh dikuatkuasakan menurut undang-undang Malaysia dan Mahkamah Malaysia hendaklah mempunyai bidang kuasa eksklusif dalam dokumen ini.

3. TIMBANGTARA

Semua perselisihan yang timbul daripada Polisi ini hendaklah dirujuk kepada seorang Penimbangtara yang hendaklah dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang berselisih. Jika mereka tidak dapat bersetuju tentang siapa yang akan menjadi Penimbangtara dalam masa satu (1) bulan setelah diperlukan secara bertulis untuk berbuat sedemikian maka kedua-dua pihak hendaklah berhak untuk melantik seorang Penimbangtara yang masing-masing hendaklah meneruskan pendengaran perselisihan bersama seorang Wasit yang akan dilantik oleh kedua-dua Penimbangtara. Namun, ini adalah dengan syarat bahawa mana-mana penolakan liabiliti oleh Syarikat untuk mana-mana tuntutan menurut dokumen ini mestilah dirujuk kepada seorang Penimbangtara dalam masa dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh penolakan sedemikian.

4. PENUKARAN ALAMAT ATAU BUTIRAN

Orang Yang Diinsuranskan hendaklah memberitahu Syarikat secara bertulis dengan segera tentang apa-apa perubahan namanya, alamat, perniagaan atau pekerjaan. Orang Yang Diinsuranskan mestilah memberi notis bertulis mengenai apa-apa kecederaan, penyakit, kecacatan fizikal atau keuzuran yang telah mempengaruhinya atau diketahuinya sebelum Orang Yang Diinsuranskan memperbaharui polisi ini.

5. TUNTUTAN

- Notis kecederaan di mana tuntutan dibuat dan dilindungi oleh Polisi ini, mestilah diberi secara bertulis kepada Syarikat dalam masa 14 hari selepas kejadian. Syarikat, sebaik menerima notis sedemikian akan memberikan borang tuntutan kepada Orang Yang Diinsuranskan supaya bukti tuntutan difailkan.
- Sekiranya berlaku kematian, notis yang munasabah hendaklah diberikan kepada Syarikat sebelum pengebumian atau pembakaran mayat dan Syarikat mungkin akan membuat permohonan untuk hadir pada bedah siasat atau pemeriksaan mayat Orang Yang Diinsuranskan. Syarikat mempunyai hak dan peluang untuk menjalankan autopsi dengan perbelanjaan sendiri jika ianya tidak dilarang oleh undang-undang. Notis yang segera tentang masa dan tempat mana-mana siasatan kematian yang telah ditentukan akan diberikan kepada Syarikat.

Kesemua sijil, informasi dan bukti yang diperlukan oleh Syarikat hendaklah diberikan oleh Orang Yang Diinsuranskan atau wakil peribadi Orang Yang Diinsuranskan yang sah dan hendaklah dalam bentuk dan jenis yang ditentukan oleh Syarikat.

6. SYARAT SEBELUM TANGGUGAN DITERIMA

Mematuhi dan memenuhi terma dan syarat Polisi ini dengan wajar setakat ianya berkaitan dengan perkara yang perlu atau tidak patut dilakukan oleh Orang Yang Diinsuranskan atau wakil peribadinya yang sah akan menjadi syarat terdahulu kepada apa-apa liabiliti Syarikat untuk membayar apa-apa bayaran di bawah Polisi ini.

7. MATAWANG DAN KADAR PERTUKARAN

Semua premium hendaklah dibuat di dalam Ringgit Malaysia. Sekiranya Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke dalam hospital dan/atau menerima rawatan perubatan di luar Malaysia dan bil yang dikemukakan adalah di dalam matawang lain selain daripada Ringgit Malaysia, Syarikat akan membayar ganti rugi kepada Orang Yang Diinsuranskan atau wakil peribadi Orang Yang Diinsuranskan yang sah di dalam Ringgit Malaysia berdasarkan kadar pertukaran harga (kadar pasaran terbuka sekiranya pasaran bebas, kadar rasmi sekiranya bukan pasaran bebas) pada tarikh Orang Yang Diinsuranskan keluar dari hospital.

8. HAD UMUR PENDAFTARAN

Umur pendaftaran Orang Yang Diinsuranskan untuk Polisi ini hendaklah di antara umur enambelas (16) tahun and tidak melebihi enampuluh lima (65) tahun.

9. PERNYATAAN SILAP ATAU PENINGGALAN FAKTA MATERIAL

Syarikat tidak bertanggungjawab untuk apa-apa pernyataan silap dalam atau jika suatu fakta material telah tertinggal daripada Borang Cadangan. Menurut Seksyen 149(4) Akta Insurans 1996, anda dikehendaki memberitahu kepada Syarikat, dengan sepenuhnya dan sejujurnya semua fakta yang anda tahu atau sepatutnya tahu, jika tidak polisi yang dikeluarkan menurut dokumen ini mungkin terbatal.

10. PEMBAHARUAN POLISI

Syarikat tidak wajib untuk memberi notis pembaharuan kepada Orang Yang Diinsuranskan. Premium untuk pembaharuan Polisi ini adalah dianggap perlu dibayar pada tarikh Polisi ini tamat. Pembaharuan hanya akan menjadi sah apabila Syarikat menerima bayaran premium daripada Orang Yang Diinsuranskan atau ejen yang diberikuasa. Dalam apa-apa hal pun, Polisi ini tidak boleh diperbaharui apabila Orang Yang Diinsuranskan mencapai umur tujuh puluh (70) tahun. Apa-apa pembaharuan polisi berikutnya selepas umur 70 tahun adalah mengikut kes dan budi bicara Syarikat.

11. PENAMATAN INSURANS

Ini adalah polisi tahunan dan akan tamat pada mana-mana yang pertama terjadi

(a) Penamatan Oleh Orang Yang Diinsuranskan

Sekiranya Orang Yang Diinsuranskan memberi notis kepada Kami untuk menamatkan Polisi ini, penamatan Polisi ini berkesan pada tarikh notis ini diterima atau pada tarikh yang ternyata pada notis, yang mana akhir. Jikalau premium telah dibayar, Pihak Syarikat akan mengebalikan premium jangka pendek pada tempoh insuran yang belum tamat dengan syarat tiada tuntutan insuran pada masa tempoh insuran. Pembatalan dan/atau penamatan akan memberikan Polisi ini dan kontrak insuran antara Pihak Syarikat and Orang Yang Diinsuranskan batal.

Jadual Jangka Pendek

Tempoh tidak melebihi:	Bayar Balik Premium Tahunan
15 hari	90% (sah untuk pembaharuan polisi sahaja)
1 bulan	80%
2 bulan	70%
3 bulan	60%
4 bulan	50%
5 bulan	40%
6 bulan	30%
7 bulan	25%
8 bulan	20%
9 bulan	15%
10 bulan	10%
11 bulan	5%
Tempoh melebihi 11 bulan	Tiada Bayar Balik

(b) Penamatan oleh Syarikat

Kami boleh memberi notis penamatan dengan surat berdaftar kepada Orang Yang Diinsuranskan di alamat terakhirnya yang diketahui. Penamatan sedemikian hendaklah menjadi efektif dalam tujuh hari selepas tarikh notis sedemikian. Jika premium telah dibayar untuk mana-mana tempoh selepas tarikh penamatan Polisi ini, premium pro-rata akan dipulangkan kepada Orang Yang Diinsuranskan dengan syarat bahawa tiada tuntutan dibuat dalam Tempoh Insurans semasa.

(c) Penamatan Automatik

Polisi ini akan luput/tamat pada 12.00 tengah malam (Waktu Malaysia) pada hari terakhir tempoh Insurans.

12. KLAUSA HAD SEKATAN DAN PENGECUALIAN

Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa manfaat di bawah Polisi ini jika perlindungan, pembayaran tuntutan tersebut atau manfaat tersebut mungkin mendedahkan Kami kepada sebarang sekatan, larangan atau sekatan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat atau Malaysia.

13. FASAL TUNAI SEBELUM PERLINDUNGAN

Anda perlu membayar premium sebelum perlindungan bermula

Fasal dan Pengendorsan dilampirkan dan dibaca sebagai sebahagian daripada Polisi
(hanya diguna pakai sekiranya dinyatakan dalam Jadual)

SYARAT-SYARAT KHAS UNTUK ARAHAN PEMBAHARUAN AUTO

Akaun Calonan bermakna akaun yang dicalonkan oleh Pihak Diinsuranskan dalam Borang Arahan Pembaharuan Auto, atau melalui arahan bertulis oleh Pihak Diinsuranskan, di mana premium untuk Polisi ini akan didebitkan atau dicajkan.

Premium

- a) Premium yang dinyatakan dalam Jadual patut dibayar pada tarikh ulang tahun Polisi;
- b) Premium akan dicajkan pada Akaun Calonan Pihak Diinsuranskan apabila tiba tempoh pembayaran.
- c) Pembayaran premium akan memperbaharui Polisi secara automatik.

Pembatalan Secara Automatik

- a) Polisi ini akan dibatalkan secara automatik dengan penamatan Akaun Calonan Pihak Diinsuranskan di mana premium untuk Polisi telah dicajkan.
- b) Premium tidak dibayar pada tempoh masa yang ditetapkan

NOTIS PENTING

- 1. Pihak Diinsuranskan hendaklah membaca Polisi ini dengan teliti, dan jika terdapat kesilapan atau keterangan yang salah, atau jika perlindungan tidak memenuhi kehendak Pihak Diinsuranskan, nasihat harus segera diberikan kepada Kami dan Polisi dikembalikan untuk perubahan.
- 2. Pihak Diinsuranskan yang tidak berpuas hati dengan tindakan atau keputusan Kami boleh mendapatkan bantuan melalui Unit Pengendalian Aduan Kami dan sebagai alternatif boleh juga mendapatkan pembelaan atau bantuan daripada Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan atau melayari BNMLINK, Bank Negara Malaysia yang beralamat seperti di bawah:

a) **Unit Pengendalian Aduan**

Liberty General Insurance Berhad

Eksekutif Perkhidmatan Pelanggan, Pusat Khidmat Pelanggan
Liberty Insurance Tower,
CT9, Pavilion Damansara Heights,
3, Jalan Damanlela,
Pusat Bandar Damansara,
50490 Kuala Lumpur.

No. Tel : +603-2268 3333 atau 1800 88 6333

Emel : customer@amassurance.com.my

Laman Web : www.amassurance.com.my

b) **Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS)**

(Dahulunya dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan)

No Tel. Syarikat: 200401025885

Talian Am : +603 2272 2811

Alamat : Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur

Laman Web : www.fmos.org.my

c) **BNMLINK**

Bank Negara Malaysia

4th Floor, Podium Bangunan AICB,
No. 10, Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.

e-Link: bnm.gov.my/BNMLINK

Laman Web : www.bnm.gov.my

- 3. Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).